

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred U29	:	P1T1	RM928.55	-	P1T27	RM2445.89
		P2T1	RM985.42	-	P2T27	RM2623.76
		P3T1	RM1044.71	-	P3T27	RM2781.06
Gred U32	:	P1T1	RM1567.43	-	P1T20	RM2925.05
		P2T1	RM1683.59	-	P2T20	RM3227.55
Gred U36	:	P1T1	RM2445.89	-	P1T11	RM3617.17
		P2T1	RM2616.50	-	P2T11	RM3999.53
Gred U38	:	P1T1	RM3023.06	-	P1T8	RM3954.76
		P2T1	RM3304.99	-	P2T8	RM4312.92
Gred U40	:	P1T1	RM3555.46	-	P1T7	RM4513.78
		P2T1	RM3893.05	-	P2T7	RM4923.97

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Diploma Teknologi Makmal Perubatan daripada Kolej Teknologi Makmal Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Juruteknologi Makmal Perubatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Juruteknologi Makmal Perubatan hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U32**

9. Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U32 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; atau
- (d) memiliki Sijil Pengajar dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan; dan
- (e) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U36**

10. Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U36 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U38**

11. Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U38 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U40**

12. Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U38 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U40 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.10.1995 [Surat Pemakluman Skim Perkhidmatan, JPA(S)324/14/24-1/Klt. 10 (1)].

